



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : PTG/WP.DFTR.500-7/3 Jld. 2 (39)
Tarikh : 14 Oktober 2025

Badan Peguam Malaysia

No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor

No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERKENAAN PERUBAHAN JUMLAH PENGHANTARAN
DOKUMEN PERSERAHAN DI KAUNTER PENDAFTARAN ARAS G, PEJABAT
PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Pihak Pengurusan PTG WPKL sebelum ini telah bersetuju dan membenarkan untuk seorang pelanggan mengemukakan maksimum sebanyak dua puluh (20) dokumen perserahan dalam satu (1) nombor giliran. Dengan jumlah perserahan yang banyak diterima oleh seorang pelanggan, ini secara tidak langsung melambatkan petugas kaunter untuk **menyemak susunan dokumen mengikut senarai semak** seperti surat kebenaran yang dilampirkan, hakmilik asal yang dikemukakan selari dengan jadual tanah selari/ sebaliknya atau sama ada surat kuasa wakil yang dikemukakan adalah betul/ atau sebaliknya kerana setiap kemasukkan ini akan direkodkan dalam resit bagi tujuan pembayaran.

Ruj Tuan :
Ruj Kami : PTG/WP.DFTR.500-7/3 Jld. 2 (39)
Tarikh : 14 Oktober 2025

3. Bagi memastikan kesinambungan petugas kaunter supaya dapat menyampaikan perkhidmatan dengan lebih optimum, Pihak Pengurusan telah bersetuju dengan **jumlah perserahan dimaksimumkan daripada dua puluh (20) kepada sepuluh (10) sahaja yang boleh dikemukakan oleh firma guaman bagi setiap nombor giliran berkuatkuasa mulai 19 Oktober 2025.** Meskipun perserahan dikurangkan, pengeluaran nombor giliran tidak akan dihadkan dan masih tertakluk kepada tempoh pengoperasian kaunter. Perubahan ini akan memberi peluang kepada lebih ramai pelanggan untuk berurusan di Kaunter Bahagian Pendaftaran, Aras G pada masa akan datang.

4. Namun begitu, PTG WPKL juga akan mempertimbangkan sekiranya terdapat pelanggan yang ingin membuat perserahan melebihi seratus (100) dokumen perserahan dengan mengemukakan surat permohonan secara temujanji sahaja. Surat permohonan temujanji ini hendaklah dikemukakan di kaunter 22, Aras 1, PTG WPKL.

5. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memanjangkan pemakluman** di atas kepada semua firma guaman adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROZAINI BIN ROSLEY)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

☎ : 03-2610 3402

✉ : rozaini@ptgwp.gov.my